CIMB menang 3 anugerah utama

- **Pengiktirafan kepada komitmen CIMB**
- **Perkukuh kedudukan dalam perbankan runcit, pelaburan, PKS**



KETUA Pegawai Eksekutif, CIMB Investment Bank, Nor Masliza Sulaiman (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Perbankan Pelanggan Kumpulan, CIMB Group, Haniz Nazlan (tiga dari kiri) meraikan kemenangan CIMB baru-baru ini.

PETALING JAYA – CIMB Bank Berhad dan CIMB Investment Bank meraih tiga pengiktirafan utama pada Euromoney Awards for Excellence 2026 baru-baru ini, mengukuhkan kedudukannya dalam perbankan runcit, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perbankan pelaburan.

CIMB dinobatkan sebagai Bank Runcit Terbaik Malaysia, Bank Digital Terbaik Malaysia untuk PKS, dan Bank Pelaburan Terbaik Malaysia pada anugerah berkenaan.

Pengiktirafan itu mencerminkan tumpuan berterusan CIMB dalam menyediakan penyelesaian berorientasikan pelanggan menerusi inovasi, keupayaan digital dan kepakaran pasaran dalam segmen perbankan runcit, PKS serta pelaburan.

Ia turut mengukuhkan janji jenama CIMB, Moving You Forward, yang menekankan usaha memperkasa pelanggan dan komuniti menerusi penyelesaian kewangan yang mudah diakses, inklusif dan berteraskan matlamat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, Novan Amirudin berkata, kejayaan itu membuktikan kepercayaan pelanggan dan komitmen pasukannya dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih mudah diakses, relevan dan memberi kesan kepada perniagaan.

"Keperluan pelanggan yang sentiasa berubah mendorong CIMB untuk terus menghasilkan nilai yang bermakna dan berkekalan melalui penyelesaian kewangan yang bersesuaian," katanya.

Euromoney Awards for Excellence telah mengiktiraf institusi kewangan yang mencatat prestasi, inovasi dan impak kepada pelanggan yang cemerlang di peringkat global selama lebih 30 tahun.

Anugerah berkenaan menilai institusi kewangan berdasarkan rangka kerja penanda aras Euromoney, termasuk metrik yang boleh dibandingkan, penyerahan maklumat berstruktur serta proses penyelidikan yang telus bagi menilai prestasi institusi berbanding pesaing.

Penyelidik, saintis berkumpul di UTM bincang isu kebersihan



HESHAM ALI (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran seminar anjuran UTM di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PETALING JAYA – Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjadi tuan rumah bagi penganjuran seminar yang membincangkan tentang kemajuan dalam sains mikrobiom yang boleh membentuk pendekatan baharu terhadap kebersihan diri dan kawalan jangkitan.

Seminar sehari yang bertajuk Ke Arah Piawaian Kebersihan Baharu – Daripada Penghapusan Menyeluruh kepada Antiinfektif Pintar itu dianjurkan di kampus universiti tersebut, berjaya menghimpunkan saintis, pakar klinikal dan pemimpin industri dari Malaysia serta beberapa negara lain.

Program tersebut telah dianjurkan oleh Pusat Inovasi Agroteknologi bagi Biopemprosesan Termaju (ICA), UTM dengan kerjasama World Bioeconomy Association (WBA) dan SATEERA®.

Ia turut menampilkan pakar dari Malaysia, Finland, Afrika Selatan, Mesir, Amerika Syarikat dan Indonesia.

Keberkesanan kebersihan diri sering dikaitkan dengan usaha menghapuskan sebanyak mungkin mikroorganisma, seperti yang digambarkan melalui dakwaan lazim bahawa sesuatu produk mampu membunuh 99.99 peratus mikro organisma.

Namun, perkembangan dalam sains mikrobiom kini memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan berbeza mikroorganisma terhadap kesihatan manusia.

Mikroorganisma berbahaya boleh menyebabkan jangkitan dan penyakit, manakala mikroorganisma yang berfaedah membantu mengekalkan keseimbangan mikrob semula jadi tubuh serta menyokong sistem pertahanannya.

Pengarah Pusat Inovasi Agroteknologi bagi Bio pemprosesan Termaju (ICA), UTM, Prof. Dr. Hesham Ali EI Enshasy berkata, sebagai tuan rumah akademik, pihaknya menghimpunkan pandangan daripada bidang sains, perubatan dan industri bagi menggalakkan lebih banyak penyelidikan serta perbincangan berdasarkan fakta.

"Sebagai sebuah institusi akademik, kami menyedari kepentingan menghimpunkan penyelidik, pakar klinikal dan pihak berkepentingan industri bagi pertukaran ilmu saintifik yang bermakna," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, pakar turut membincangkan isu daripada pelbagai sudut, termasuk kuman yang semakin sukar dirawat, kawalan jangkitan, akses kepada penjagaan kesihatan, sains mikrobiom dan penggunaan sumber semula jadi untuk melawan jangkitan.

Ia juga membincangkan bagaimana penemuan saintifik di makmal boleh dibangunkan untuk kegunaan dalam dunia.

Agrobank dekati komuniti, usahawan KL



TENGKU AHMAD BADLI SHAH

PETALING JAYA – Agrobank terus mendekati pelanggan dan komuniti usahawan menerusi penyertaan dalam Fiesta Pasar Malam Kuala Lumpur di perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada hujung minggu lalu.

Program tersebut memberi ruang kepada Agrobank untuk berinteraksi secara langsung dengan peniaga dan usahawan, khususnya dalam mengenal pasti keperluan mereka dari aspek pembiayaan, pengurusan kewangan serta penggunaan kemudahan perbankan digital bagi menyokong operasi serta perkembangan perniagaan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pendekatan secara langsung dengan komuniti usahawan penting bagi membolehkan pihaknya memahami cabaran sebenar yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan.

"Setiap usahawan mempunyai keperluan dan cabaran yang berbeza mengikut skala serta tahap perkembangan perniagaan.

"Melalui sesi seperti ini, Agrobank dapat mendengar sendiri keperluan mereka dan berkongsi pilihan kewangan serta perkhidmatan yang sesuai untuk membantu mereka mengurus dan mengembangkan perniagaan," katanya dalam kenyataan.

Sepanjang fiesta tersebut, pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan Agrobank, termasuk kemudahan pembiayaan untuk usahawan, pembukaan akaun serta penggunaan DuitNow QR bagi memudahkan urusan transaksi tanpa tunai.

Siri pendekatan turun padang Agrobank menerusi libat urus di pasar tani seluruh negara serta Fiesta Pasar Malam Kuala Lumpur telah menghasilkan permohonan pembiayaan mikro bernilai kira-kira RM13.5 juta, mencerminkan sambutan positif dalam kalangan usahawan terhadap kemudahan pembiayaan yang ditawarkan.